

CNS4719

U GB 28-01 00192 BH553

BAH

Mahathir - Agama

DALAM KEKALUTAN MENJADI NEGARA MAJU, AGAMA TIDAK DILUPAKAN

BUKIT KAYU HITAM, 28 Jan (Bernama) -- Kerajaan tidak pernah lupa kepada soal pembangunan kerohanian dan agama dalam kekalutan pembangunan pesat negara ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata, sungguhpun banyak peruntukan disediakan untuk pembangunan lain tetapi pada masa yang sama kerajaan tidak pernah lupa untuk mengadakan masjid, surau dan tempat-tempat ibadat lain.

"Pegangan kepada agama diberi keutamaan oleh kerajaan kerana kita tahu bahawa banyak negara maju yang menjadi rosak kerana mereka terlalu taksub kepada kemewahan hidup sehingga lupa kepada agama," katanya ketika merasmikan majlis perletakan batu asas Masjid Bandar Bukit Kayu Hitam, kira-kira 60 km dari Alor Setar.

Katanya, kerana lupa agama, banyak daripada negara itu kini menghadapi banyak masalah terutama kemerosotan nilai hidup dan keruntuhan akhlak sehingga mereka tidak lagi menghormati institusi perkahwinan, tidak lagi mempunyai institusi keluarga serta tidak menghormati orang tua dan ibu bapa.

"Kita percaya lambat-laun masyarakat mereka akan hancur kerana tidak berpegang kepada nilai-nilai yang mulia," katanya. -- Lagi.

▼28/01/15-22MST

U GB 28-01 00152 BH554

BAH

Mahathir - Agama 2 Bukit Kayu Hitam

Sehubungan itu, beliau mengingatkan umat Islam supaya jangan mudah dipesongkan perkara kecil sehingga melupakan perkara besar dalam agama.

Katanya, ada orang yang mengajar kanak-kanak supaya jangan ketawa atau menyanyi kerana kononnya dilarang agama sedangkan di tempat lain seperti di Bosnia-Herzegovina, umat Islam dibunuh dan disiksa dengan kejam tanpa dapat diselamatkan saudara seagama mereka, yang terpaksa pula meminta-minta pertolongan daripada orang lain.

Malahan, kata beliau, untuk mendirikan sebuah masjidpun umat Islam di negara ini tidak tahu dan terpaksa meminta pertolongan daripada orang lain.

Katanya, umat Islam sepatutnya mempunyai ilmu dan kebolehan bukan sahaja untuk mendirikan rumah ibadatnya sendiri tetapi juga membuat senjata bagi mempertahankan diri.

Dr Mahathir berkata, jika orang Islam berterusan miskin, lemah dan kerdil, akan sampai suatu masa mereka akan meninggalkan agama itu kerana kecewa seperti yang pernah berlaku dalam sejarah. -- Lagi.

▼28/01/15-25MST

CNS4725

U GB 28-01 00156 BH555

BAH

Mahathir - Agama 3 (Akhir) Bukit Kayu Hitam

Masjid setingkat yang boleh memuatkan sehingga 1,400 orang jemaah itu, akan dibina dengan kos RM1.26 juta dan dijangka siap pada bulan Oktober ini.

Cadangan pembinaan masjid itu diluluskan Perdana Menteri pada 1992 bagi menggantikan sebuah surau yang kini digunakan kira-kira 2,000 jemaah di kawasan itu bagi menunaikan solat fardu Jumaat.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut merasmikan upacara menentukan arah kiblat masjid itu.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff.

Dr Mahathir, yang tiba bersama isteri pagi ini untuk lawatan kerja sehari ke negeri ini, mempunyai aturcara lawatan yang ketat, termasuk mengadakan lawatan singkat ke kilang Sime Tyres International di Alor Setar, dan merasmikan pembukaan kilang Prime Granite di kawasan perusahaan Bakar Arang, Sungai Petani. -- Bernama.

KHY KAM.

▼28/01/15-29MST